

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kenyataan Tawaran Tender adalah dipelawa kepada Pengusaha Bas Henti-henti yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berminat menyertai Tawaran Tender berikut:

BUTIR-BUTIR TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARAF DAN SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP DAN TEMPAT PENYERAHAN TENDER
No. Tender: PAJ/PRO/F03/2019/016 Cadangan Membekal Perkhidmatan Bas Awam Percuma 'Bas Muafakat Johor' Bagi Laluan Di Beberapa Kawasan Dalam Negeri Johor 2 Tahun 7 Bulan + 2 Tahun (Laluan Majlis Daerah Tangkak)	RM 300.00 / dokumen	Tarikh : Dokumen Tender sedia untuk diperolehi / dibeli dari 18 MAC 2019 (ISNIN) Tempat: Bahagian Kaunter, Ruang Utama Pejabat, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ), No. 12 & 14, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 81550 Gelang Patah, Johor Darul Ta'zim.	Taraf Terbuka: Pengusaha Bas Henti-henti yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan syarat-syarat: 1. Syarikat yang mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987: Peraturan Kenderaan Perkhidmatan Awam (Perlesenan Dan Perlakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959 Peraturan Kenderaan Bermotor (Pembinaan Dan Kegunaan) 1959; dan semua Akta dan Peraturan yang berkenaan. 2. Syarikat sedia ada yang mempunyai permit laluan yang sah daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) 3. Syarikat yang mempunyai depoh penyelenggaraan yang lengkap dan tempat simpanan bas yang mencukupi. 4. Syarikat yang tidak menjalankan aktiviti subkontrak operasi kepada mana-mana pihak ketiga	Tarikh: 15 APRIL 2019 (ISNIN) Masa: 12.00 tengah hari Tempat: Bahagian Kaunter, Ruang Utama Pejabat, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ), No. 12 & 14, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 81550 Gelang Patah, Johor Darul Ta'zim. Nota: Tender yang lewat diserahkan tidak akan dilayan.

1. TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN TENDER DIKELUARKAN

Dokumen tender ini boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Perbadanan Pengangkutan Awam Johor di No. 12 & 14, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 81550 Gelang Patah, Johor Darul Ta'zim.

Dokumen ini hanya boleh diperolehi / dibeli mulai 18 Mac 2019 pada waktu pejabat iaitu 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 5.30 petang. Pengusaha bas yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan asal Sijil Kementerian Kewangan ketika mengambil Dokumen Tender tersebut.

2. TARIKH DAN TEMPAT PENYERAHAN TENDER

Tender yang telah lengkap hendaklah ditulis No Tender dan nama projek di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dihantar ke Ibu Pejabat / Ibu Pejabat Perbadanan Pengangkutan Awam Johor di No. 12 & 14, Jalan Iskandar Putri 1/2, Taman Nusantara Prima, 81550 Gelang Patah, Johor Darul Ta'zim sebelum 12.00 tengah hari pada **15 APRIL 2019 (ISNIN)**.

3. Taklimat tender akan diadakan pada **25 MAC 2019 (ISNIN)** pada **jam 10.00 pagi**. Kehadiran adalah **WAJIB** bagi petender-petender yang menghantar dokumen tender.

4. Pihak PAJ berhak untuk menolak atau menerima mana-mana permohonan atau membatalkan proses Tawaran Tender atau menolak semua permohonan, tanpa menanggung segala liabiliti yang berlaku kepada pemohon atau tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab tindakan tersebut diambil. PAJ juga tidak akan menanggung segala kos yang dikeluarkan oleh pemohon untuk menyertai, menyediakan dan melengkapkan Tawaran Tender ini.